



AZUDIN bersama kambing ternakannya.

KAMBING PILIHAN KORBAN

■ Kenaikan harga lembu akibat penyusutan nilai ringgit mendorong orang ramai beralih

Oleh Mahazura Abd Malik
mahazura@metro.com.my
Kuala Lumpur

Faktor harga yang tidak membebankan menjadikan kambing sebagai pilihan haiwan korban tahun ini berbanding lembu yang mengalami sedikit peningkatan harga akibat penyusutan nilai ringgit.

Bagi Osman Cheya Kutty yang memiliki syarikat penternakan kambing di

Kangkar Tebrau, Johor Bahru berkata, tempahan pembelian kambing sempena Aidiladha tahun ini sangat memberangsangkan berbanding tahun lalu.

"Setakat ini, daripada 5,000 ekor sasaran kambing yang akan dijual sempena Aidiladha ini, lebih 4,000 ekor ditempah pelanggan."

"Jumlah ini mengatasi jualan 3,000 ekor pada tahun lalu. Dalam keadaan ekonomi yang tak berapa baik ini, mungkin ramai tak mampu membeli lembu dan beralih kepada kambing yang

hanya berharga antara RM750 hingga RM950 seekor mengikut berat," katanya.

Perkara sama turut diakui pemilik syarikat Agro Gombak yang menternak lembu dan kambing, Nor Azudin Abd Aziz, 47 perniagaan kambing mengalami peningkatan sebanyak 20 peratus tahun ini berbanding tahun sebelumnya.

"Walaupun harga jualan kambing juga meningkat dalam 10 peratus tahun ini ia masih menjadi pilihan ramai termasuk orang asing kerana harganya antara RM800

Setakat ini, daripada 5,000 ekor sasaran kambing yang akan dijual sempena Aidiladha ini, lebih 4,000 ekor ditempah pelanggan"

Osman Cheya Kutty

hingga RM1,200 masih tidak membebankan jika hendak dibandingkan dengan lembu paling murah sekitar RM3,500.

"Memang pasaran lembu turun ketara sehingga 20 peratus tahun ini namun saya bernasib baik tidak terlalu terjejas sangat kerana ada pelanggan tetap yang tidak kisah berhabis wang ringgit untuk berkorban pada Aidiladha," katanya.

Pengusaha lembu di Hulu Langat, Selangor dan Bentong, Pahang Salmizan Samsudin, 36, berkata, suasana ekonomi yang tidak menentu pada masa ini menjejaskan pendapatan mereka sehingga 80 peratus.

"Memang pengusaha lembu se-

perti kami sangat terasa. Bayangkan kami terpaksa tampung kos bahan mentah dan asas seperti dedak, rumput, kos pekerja, diesel dan baka lembu yang semakin meningkat."

"Apabila kami menjual untuk korban, pelanggan merungut kata mahal, sedangkan harga yang ditetapkan berpatutan sekitar RM3,850 hingga RM4,500 mengikut berat."

"Sepanjang 10 tahun dalam bidang ini, tahun ini adalah tahun paling sukar walaupun bekalan stok 300 ekor tersedia sejak sebelum Aidilfitri, namun hingga kini hanya 12 ekor yang berjaya ditempah pelanggan untuk Aidiladha ini," katanya.

Pandangan sama diluahkan pemilik ladang ternakan lembu di Pekan Nenas, Pontian, Johor, Rohaizat Yaakob yang menyifatkan kelembapan ekonomi dan kejatuhan nilai ringgit me-

ngakibatkan aktiviti pembelian lembu tidak serancak tahun sebelumnya.

"Kalau dulu boleh jual 200 ekor setiap kali musim Aidiladha, tapi sekarang baru ada 100 yang menempah untuk membeli."

"Macam kami hanya mengenakan kadar harga tetap yang tak membebankan untuk korban antara RM3,000 hingga RM3,500 tetapi tahun ini kurang sambutan berkemungkinan orang berhati-hati mengeluarkan wang hanya pada keperluan penting," katanya.

